



Bahasa Melayu (5 & 6 Tahun)

Pemahaman

Topik: Kenderaan

Baca petikan dan jawab soalan berdasarkan petikan.

Kereta dan bas digunakan untuk membawa kita pergi ke suatu tempat dengan cepat.

Kapal terbang ialah satu kenderaan yang sangat besar. Kita boleh pergi ke tempat yang sangat jauh dengan menaiki kapal terbang.

Beca mempunyai tiga tayar dan sebuah tempat duduk tambahan di sebelah basikal. Sekarang, beca dihias dengan pelbagai hiasan dan menjadi tarikan pelancong.

Lori dan kren pula digunakan untuk memindahkan barang ke tempat lain.

1. Apakah kenderaan yang membolehkan membawa kita ke suatu tempat dengan cepat?
 - a. Lori
 - b. Kren
 - c. Beca
 - d. Kereta
2. Apakah kegunaan kapal terbang yang dinyatakan dalam petikan di atas?
 - a. Membawa barang ke tempat lain.
 - b. Pergi ke sekolah.
 - c. Membawa kita ke tempat yang jauh.
 - d. Sebagai pameran.
3. Apakah ciri-ciri beca?
 - a. Beca mempunyai banyak tempat duduk.
 - b. Beca mempunyai tiga tayar.
 - c. Beca ialah kenderaan yang sangat besar.
 - d. Beca mempunyai enjin.
4. Antara kenderaan berikut, sila pilih beca.
 - a. 
 - b. 
 - c. 
 - d. 
5. Apakah kegunaan kren dan lori?
 - a. Memindahkan barang ke tempat lain.
 - b. Membawa kita ke tempat yang jauh.
 - c. Menjadi tarikan pelancong.
 - d. Membawa kita ke tempat yang lain dengan cepat.